KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	11/10/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	44
JABATAN	:	TNB			



Stesen Jimah East Power.

BH,11 Okt 2021_44

Stesen jana kuasa TNB diiktiraf global

Stesen jana kuasa milik Tenaga Nasional Bhd (TNB), Jimah East Power (JEP) menerima pengiktirafan antarabangsa dalam ASEAN Energy Awards 2021 anjuran ASEAN Centre of Energy di Brunei.

JEP memenangi tempat pertama kategori *Clean Coal Technology Utilisation for Large Power Generation* sempena ASEAN Energy Business Forum dan Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN Ke-39.

Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), Datuk Nor Azman Mufti, berkata anugerah itu menobatkan amalan terbaik penggunaan arang batu lebih bersih dan lestari dalam usaha peralihan ke arah pembangunan dengan pelepasan karbon mampan serta rendah.



Nor Azman Mufti

Beliau berkata, JEP berjaya mengatasi saingan daripada PT Indonesia Power PLTU Jateng 2 Adipala Omu, Indonesia yang memenangi tempat kedua manakala Mae Moh Power Plant, Thailand di tempat ketiga.

Anugerah itu, adalah manifestasi sokongan kerajaan dalam usaha mengurangkan pelepasan karbon dan menghindari risiko ekonomi jangka panjang.

"TNB akan mempelbagaikan pembakaran di JEP menggunakan kaedah lain daripada arang batu untuk mengurangkan paras pencemaran dalam usaha menyokong Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), yang juga sebahagian inisiatif JEP dan TNB Genco.

"Ia selaras aspirasi sifar bersih TNB menjelang 2050 dipacu menerusi komitmen mengurangkan intensiti pelepasan 35 peratus serta pengurangan 50 peratus kapasiti penjanaan arang batu menjelang 2035," katanya dalam kenyataan.

Nor Azman berkata, ASEAN Energy Award adalah majlis anugerah tertinggi di Asia Tenggara yang mendorong dan mengiktiraf penyertaan semua pihak dalam pembangunan tenaga di rantau ASEAN.

Beliau berkata, ia merangkumi tiga kategori iaitu Anugerah Arang Batu ASEAN, Anugerah Amalan Terbaik Kecekapan dan Pemuliharaan Tenaga ASEAN serta Anugerah Projek Tenaga Boleh Baharu ASEAN.

JEP, katanya mempunyai dua loji jana kuasa arang batu *Ultra-supercritical* (USC) yang mempunyai kapasiti penjanaan 2,000MW di Port Dickson adalah loji jana kuasa arang batu TNB ketiga dan keempat yang menggunakan teknologi itu.

"Selain JEP, dua loji penjanaan USC lain milik TNB iaitu Manjung 4 dan Manjung 5 di Lumut antara loji arang batu USC pertama di rantau ASEAN," katanya.